



WAKIL agensi kerajaan turut dibawa melihat anak sungai di dalam kawasan kampus UIAM yang tercemar akibat aktiviti pembersihan hutan berdekatan di Gombak, Selangor.



SUNGAI yang mengalir ke dalam kawasan UIAM ini dahulunya jernih dan menjadi daya tarikan kepada pelawat.

Ekoran penerokaan hutan seluas lima hektar dekat kampus induk

UIAM malu tercemar teruk

Oleh SITI AINIZA KAMSARI
kota@utusan.com.my

GOMBAK 15 Mei - Kawasan sekitar kampus induk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini diancam masalah pencemaran alam sekitar yang teruk ekoran pelbagai aktiviti penerokaan hutan seluas kira-kira lima hektar berdekatan dengan kampus tersebut.

Akibat daripada kerja-kerja pembersihan hutan itu, kini beberapa anak sungai yang mengalir di dalam kawasan kampus, kolam-kolam tebatan banjir, kolam serta tasik-tasik rekreasi di universiti itu dijangka akan 'mati' dalam tempoh lima tahun lagi.

Pengarah Bahagian Pembangunan UIAM, Datuk Ir. Shaffei Mohamad berkata, pembukaan hutan itu juga menimbulkan masalah banjir kilat di dalam kawasan UIAM yang menjejaskan 22,000 warganya, termasuk kakitangan dan pelajar.



SHAFFEI

"Masalah banjir kilat berlaku terutama apabila hujan lebat yang kerap kebelakangan ini. Apabila banjir, jalan dalam kawasan kampus ditenggelami air malah telah ada kejadian air melimpah sehingga ke bilik-bilik kuliah, penempatan pelajar dan kakitangan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Difahamkan, kawasan hutan itu dibersihkan untuk projek membina rumah.

Ekoran masalah itu, pihaknya mengambil inisiatif membawa sekumpulan pegawai akademik dan pentadbiran UIAM serta wakil-wakil dari beberapa agensi kerajaan untuk melihat sendiri kawasan yang telah tercemar dan yang menjadi punca pencemaran.

Wakil agensi kerajaan yang hadir termasuk dari Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Perhutanan, Pejabat Tanah dan Galian Gombak dan Majlis Perbandaran Selayang.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati beberapa anak sungai dari Sungai Pusu yang menjadi saluran utama di kawasan itu teruk tercemar. Alirannya tersekat oleh timbunan lumpur dan pasir yang menyebabkan sungai menjadi cetek dan mengencil manakala kejernihan dan kualiti air terjejas.

Air anak sungai di dalam kawasan kampus, yang selama ini menjadi tumpuan termasuk pelawat dalam dan luar negara, juga menjadi keruh dan tidak lagi dapat dibanggakan oleh warga UIAM.

"Melihatkan keadaan yang teruk ini, menyebabkan kami di pihak pentadbiran berasa sangat malu. Sebagai sebuah kampus universiti Islam yang dikurniakan alam sekitar yang hijau dan cantik, pencemaran seperti ini tidak sepatutnya berlaku.

"Sukar untuk kami menjawab terutama apabila pelawat merungut dan tidak berpuas hati dengan keadaan kolam rekreasi dan sungai yang tercemar ini.

"Seolah-olah kami tidak mengambil berat soal melestarikan alam sekitar sedangkan UIAM begitu menjuarai dalam pelbagai bidang akademik tetapi dalam hal alam sekitar kami dianggap gagal dan ini sangat memalukan," kata Shaffei.

Menurut beliau, UIAM membelanjakan hampir RM1.2 juta setiap tahun untuk mengatasi masalah pencemaran itu, termasuk memperbaiki dari aspek teknikal.

"Namun sampai bila kami harus berbelanja besar untuk menjaga alam sekitar yang semakin teruk tercemar akibat perbuatan orang lain.

"Tidak guna kami melakukan pelbagai usaha tetapi pihak lain terutama pemaju yang mengusahakan pembukaan tanah secara berfasa-fasa berhampiran dengan UIAM ini terus menerus merosakkan alam sekitar yang menyebabkan kampus ini menjadi mangsa," katanya.



ANAK sungai ini dahulunya menjadi kebanggaan warga kampus UIAM kerana airnya yang jernih dan menjadi sumber air kepada beberapa kolam rekreasi.



AKTIVITI pembersihan hutan menyebabkan tebing sungai berdekatan turut runtuh dan mengganggu alirannya.

